

# Bawa isu pita rakaman ke mahkamah **Ku Li tidak berani: Dr M**

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tujuan Tengku Razaleigh Hamzah mendapatkan perintah mahkamah berhubung isu pita rakaman kenyataannya yang mahu membunuh Pas dan DAP, ialah kerana Presiden Semangat 46 itu cuba "menutup mulut orang" daripada bercakap mengenai perkara itu.

Perdana Menteri berkata, tindakan mereka itu jelas terpesong daripada matlamat berpolitik dan menghadapi pilihanraya.

"Ini politik. Kalau hendak lawan dalam pilihanraya umum dengan cara mendakwa di mahkamah... mahu tutup mulut orang, itu bermakna (pihak yang mengambil tindakan mahkamah) tidak begitu berani.

"Kita sendiri tidak bercadang untuk berbuat begitu kerana kita tidak mahu menutup mulut sesiapa daripada bercakap apa pun," katanya sewaktu menjawab soalan pemberita dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini semalam.

Beliau berkata, Umno juga boleh membuat pelbagai dakwaan di mahkamah terhadap pemimpin parti pembangkang, "tetapi kita sengaja tidak mahu berbuat begitu."

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, biarlah rakyat menentukan kebenaran dan kemungkaran sesuatu perkara yang dilakukan oleh mana-mana pemimpin.

"Kalau kita berani, kita mesti sedia menyerahkan kepada rakyat untuk menentukan apa yang betul dan salah. Ini hendak suruh mahkamah tutup mulut saya, susahlah sikit," katanya.

Rancangan Tengku Razaleigh untuk membunuh Pas dan DAP jika gabungan parti pemangking berjaya memerintah negara ini dide-

dahkan oleh Perdana Menteri di Changloon, Kedah baru-baru ini.

Beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri sudah mendengar rakaman kenyataan itu, antaranya Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Haji Isa Abdul Samad, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Haji Osman Aroff, Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Haji Mohd Yassin dan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Menteri Pendidikan yang juga Naib Presiden Umno, Encik Anwar Ibrahim juga sudah mendengar ucapan Tengku Razaleigh dalam pita rakaman itu.

Perdana Menteri berkata, beliau akan menunggu masa yang sesuai untuk Barisan Nasional (BN) mengedarkan pita rakaman berkenaan ke semua negeri.

Katanya, beliau akan mengadakan lawatan terakhir ke semua negeri mulai minggu depan manakala timbalannya, Encik Ghafar Baba akan melawat beberapa negeri saja.

Mengenai poster BN yang ditampal di tiang elektrik, telefon dan bangunan milik kerajaan berbulan-bulan sebelum peraturan baru dikeluarkan, Perdana Menteri berkata, BN sedia didenda jika pihak berkuasa tempatan dan majlis perbandaran mendapati perbuatan itu salah.

"Ini kerana mengikut peraturan baru, poster pilihanraya tidak boleh ditampal di tiang telefon, elektrik dan bangunan yang dimiliki kerajaan. Kita tidak boleh buat apa-apa terhadap poster itu dan kalau perlu didenda, kita sedia membayar," katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, kerajaan sedang berusaha mengatur lawatan pemimpin anti-Apartaid, Nelson Mandela diadakan selepas pilihanraya umum.

"Kita berharap beliau dapat melawat Brunei dulu. Bagaimanapun, kita tetap bersedia untuk menemui beliau pada 19 Oktober ini sepertimana dijadualkan jika jadual lawatannya tidak boleh diubah," katanya.